

Fakta



BELIA MALAYSIA

Oleh : Zakariah Md. Sam

Slogan "1 Belia 1 Malaysia" mula diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri semasa menyampaikan utusan sempena sambutan Hari dan Minggu Belia Negara 2009 yang berlangsung di Melaka pada 15 Mei 2009. Slogan ini menjadi pendokong dan salah satu komponen kepada kejayaan pelaksanaan konsep 1 Malaysia yang berprinsipkan "Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan".

Slogan "1 Belia 1 Malaysia" boleh ditafsirkan sebagai aspirasi Kementerian Belia dan Sukan dalam pembentukan satu suara kelompok Generasi Belia Malaysia yang berbilang kaum, bahasa dan budaya tetapi mempunyai semangat cinta negara yang sama dalam mempertahankan kemerdekaan dan keharmonian negara bangsa berdasarkan prinsip yang telah dipersetujui sama ada secara "kontrak sosial" atau seperti yang telah termaktub di dalam perlembagaan negara. Slogan ini penting di dokong oleh setiap generasi belia kerana generasi belia adalah pewaris negara.

Apakah nilai-nilai dalam "1 Belia 1 Malaysia"? Apakah pendekatan yang boleh diambil dalam menterjemahkan aspirasi ini kepada bentuk tindakan yang berkesan? Apakah generasi belia telah bersedia atau perlu disediakan? Apakah generasi belia hari ini tidak berpotensi

atau tidak mendapat bimbingan yang profesional?

Nilai-nilai dalam pembentukan "1 Belia 1 Malaysia" tidak dapat lari daripada mengadaptasi lapan nilai dalam konsep besar 1 Malaysia. Kelapan-lapan nilai utama ini perlu di terjemah dalam bentuk program dan dilaksanakan dengan metodologi yang sesuai berdasarkan analisa kehendak dan selera generasi belia masa kini. Pemilihan pengisian dan gaya penyampaian ini bertujuan memastikan kesemua program yang bakal dilaksanakan akan dapat membentuk atau menghasilkan (*outcome*) sikap positif generasi belia yang akhirnya boleh diukur untuk melihat kesejahteraan hidup mereka. Pengukuran Tahap Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia ini akan memberi fokus kepada lapan domain utama dengan menggunakan tahap skor bagi indikator terpilih yang terdapat dalam Indeks Belia Malaysia.

Di dalam usaha menjayakan sebarang tindakan ke arah pencapaian "1 Belia 1 Malaysia", maka elemen pembentukan Budaya kecemerlangan di kalangan belia; Ketabahan menghadapi cabaran dan dugaan; Rendah hati dan beriltizam; Penerimaan kepada persetujuan yang telah termeterai dan bersifat toleransi; Kesetiaan yang tidak boleh dipersoalkan; Meritokrasi dalam memberikan yang hak secara adil mengikut latar belakang dan suasana, Pendidikan dan Integriti wajib menjadi inti pati dan unsur utama dalam pengisian setiap program yang dirancang. Generasi Belia harus disediakan dengan

pakej budaya dan nilai yang dapat membantu mereka menjadi matang, rasional dan beretika dalam acuan pembangunan negara.

Di dalam konteks pencapaian "1 Belia 1 Malaysia" kuantiti aktiviti dan program tidak lagi menjadi keutamaan berbanding dengan keberkesanan dan pencapaian (*outcome*) setiap program. Hasil analisa keperluan kumpulan sasaran mestilah menjadi asas dalam melakar program berserta dengan elemen-elemen nilai yang perlu digabungkan untuk membentuk transformasi dalam perancangan dan pelaksanaan program. Sudah sampai ketikanya generasi belia diberi peluang berperanan sebagai rakan kongsi sebenar melalui persatuan atau sebaliknya dalam menyediakan perancangan dan pelaksanaan program yang melibatkan rakan seusia mereka.

Akhirnya gabungan dan siri program yang dilaksanakan secara tersusun akan menyumbang secara langsung ke arah pembentukan generasi belia yang mempunyai kesediaan untuk terus berubah (transformasi), mempunyai set minda futuristik, cergas, mempunyai dorongan dalaman yang bertenaga, berketerampilan, mempunyai semangat kesukarelaan yang padu, tidak mudah berputus asa dalam merancang dari hari ke hari, bulan ke bulan dan tahun ke tahun, sentiasa terpenggil untuk menyelesaikan masalah serta merebut peluang yang disediakan, berintegriti dan seterusnya terlibat dalam projek-projek mencipta trend secara berkumpulan atau individu yang menonjolkan daya kreativiti dan inovasi generasi belia. Pencapaian ini akan melahirkan satu generasi Belia yang akan berpegang dan percaya kepada slogan "1 Belia 1 Malaysia" dan seterusnya membentuk generasi belia yang mementingkan perpaduan dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara yang bakal di warisi berkonsepkan semangat 1 Malaysia.

Cetusan CEO



Selamat Datang Bulan Merdeka, Selamat Datang juga Bulan Ramadhan Al-Mubarak. Kali ini Buletin Fakta IPPBM membawa isu yang berbeza daripada isu-isu terdahulu. Tema Buletin Fakta berbunyi "1 Belia 1 Malaysia". Slogan "1 Belia 1 Malaysia" diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu ucapan perasmian sambutan Hari dan Minggu Belia

Negara 2009 bertempat di Melaka. Ia sekali gus adalah sebagai sokongan kepada konsep "1 Malaysia" yang berprinsipkan "Rakyat didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Slogan ini memberi inspirasi kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam pembentukan satu suara kelompok Generasi Belia Malaysia yang berbilang kaum, bahasa dan budaya tetapi mempunyai semangat cintakan negara yang sama bagi mempertahankan kemerdekaan dan keharmonian negara bangsa berteraskan prinsip "kontrak sosial" seperti mana termaktub dalam Perlembagaan Negara.

Sempena dengan menyambut bulan Ramadhan al-Mubarak, walaupun kita berlapar dan dahaga di siang hari namun ini tidak sepatutnya menjadi penghalang aktiviti harian kita. Para belia seharusnya mengambil iktibar dan berdisiplin dalam bulan Ramadhan kerana ketahanan dan kesabaran yang dipupuk dalam bulan ini sepatutnya diteruskan ke bulan-bulan lain dan menjadi sebahagian dari budaya kehidupan belia masa kini iaitu berdisiplin dan bersabar dalam apa keadaan sekalipun. Dengan cara begini belia akan dapat memperkasakan ketahanan diri daripada sebarang dakyah dan pengaruh negatif.

Sementara itu, pelbagai kajian telah dijalankan oleh pihak IPPBM, dan kali ini kajian Kompleks Rakan Muda (KRM) Baling dan Kepenggunaan diutarakan bagi mewawarkan peranan KRM sebagai pusat pembangunan sosial khusus kepada golongan muda. KRM yang dibina di beberapa daerah terpilih bukan sahaja menjadi medan menggabungkan aktiviti pembangunan fizikal, namun lebih jauh daripada itu sebagai platform membangunkan minda dan rohani generasi muda secara holistik. Penggunaan secara aktif kemudahan yang disediakan akan melahirkan golongan belia yang bertanggungjawab, bebas dari pengaruh dan perlakuan negatif sekali gus memacu produktiviti negara.

Sejajar dengan itu, golongan belia dinilai sebagai satu golongan yang mempunyai potensi ketahanan diri yang besar dalam diri mereka. Kualiti ketahanan ini perlu sentiasa digilap dan diperkukuhkan agar sentiasa tersemat di dalam diri dan jiwa walaupun berlaku pengaruh dalaman dan luaran yang begitu kuat. Di dalam artikel ketahanan diri belia disenaraikan ciri-ciri peribadi yang membentuk sifat dan sikap ketahanan diri yang unggul untuk terus berdaya saing dalam mengharungi cabaran transisi usia remaja untuk melangkah ke alam dewasa.

Tidak dilupakan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh bulan September hingga November 2009 berserta pelbagai artikel pengisian percambahan minda turut dimuatkan di dalam edisi kali ini.

Selamat Berpuasa dan Selamat Berhari Raya.

Datuk Prof. Madya Hj. Abd. Halim Sidek
Ketua Pegawai Eksekutif
IPPBM

Sidang Redaksi

PENAUNG

Datuk Ahmad Shabery Cheek

KETUA EDITOR

Datuk Prof. Madya Hj. Abd. Halim Sidek

EDITOR

Prof. Dr. Yahaya Ibrahim
Dr. Sarjit S. Gill
Shariffah Mamat

SIDANG PENGARANG

Mastura Mohamad
Shahhanim Yahya
Nor Hamidah Hamzah
Rizzal Dolah
Hasnul Mubarak Saadudin
Rosmintan Jahuri

PEREKA GRAFIK/FOTOGRAFI

Nadya Shaffinaz Bajuri
Wan Achmad Syafiq Firza Wan Ramli

PENGURUSAN/PUBLISITI

Hj. Zakariah Md Sam

Sila hantarkan sebarang komen dan pertanyaan anda kepada info@ippbm.gov.my

KATA HIKMAH PILIHAN

"Undang-undang adab dan budi pekerti membentuk kemerdekaan bekerja. Undang-undang akal membentuk kemerdekaan berfikir. Dengan jalan menambah kecerdasan akal, bertambah murnilah kemerdekaan berfikir" – (Hamka)

"Pergaulan mempengaruhi didikan otak. Oleh itu, untuk kebersihan jiwa hendaklah bergaul dengan orang-orang beradab dan berbudi mulia yang dapat kita kutip manfaatnya" – (Hamka)

Kata Hukama, "Hendaklah adab sopan anak-anak itu dibentuk sejak kecil kerana ketika kecil mudah membentuk dan mengasuhnya. Belum dirosakkan oleh adat kebiasaan yang sukar ditinggalkan" – (Hamka)

PENGGUNAAN KOMPLEKS RAKAN MUDA BALING

Oleh: Shahhanim Yahya



Kompleks Rakan Muda (KRM) berperanan sebagai salah satu tempat bagi menganjurkan aktiviti-aktiviti demi kepentingan masyarakat setempat khususnya dan masyarakat lain secara amnya. Matlamat utama penubuhan KRM adalah menyediakan keperluan kepada golongan belia untuk menjalankan kegiatan masa lapang dan pembangunan positif diri. Selain itu, KRM juga memainkan peranan sebagai Pusat Pembangunan Sosial khusus untuk golongan muda yang menggabungkan aktiviti pembangunan minda, keupayaan fizikal dan pembangunan rohani secara bersepadu bagi melahirkan golongan belia yang bertanggungjawab, bebas

daripada pengaruh dan perlakuan negatif serta berupaya meningkatkan produktiviti negara.

Sebagai memperakui peranan KRM Baling ke arah pembangunan belia positif, maka kajian berkaitan penggunaan KRM Baling telah dijalankan dengan mengambil kira kadar penggunaan bermula pada Januari hingga Jun 2009. Jadual 1 merupakan kadar penggunaan KRM Baling bermula pada Januari hingga Jun 2009 berdasarkan maklumat yang telah diperolehi daripada kakitangan KRM Baling. Secara keseluruhan kadar penggunaan KRM Baling adalah melebihi 80%, sama ada penggunaan mingguan mahupun harian.

Jadual 1 : Purata Kadar Penggunaan KRM Baling dari Bulan Januari hingga Jun 2009

| Januari 2009 | Februari 2009 | Mac 2009 | April 2009 | Mei 2009 | Jun 2009 |
|--------------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|
| 1. Harian: 148.8% | 1. Harian: 146.3% | 1. Harian: 143.8% | 1. Harian: 161.3% | 1. Harian: 142.5% | 1. Harian: 141.3% |
| 2. Mingguan: 100% | 2. Mingguan: 100% | 2. Mingguan: 77.1% | 2. Mingguan: 100% | 2. Mingguan: 100% | 2. Mingguan: 100% |
| 3. Bilangan pengguna: 2,246 orang | 3. Bilangan pengguna: 2,068 orang | 3. Bilangan pengguna: 1,697 orang | 3. Bilangan pengguna: 1,938 orang | 3. Bilangan pengguna: 6,262 orang | 3. Bilangan pengguna: 1,992 orang |

Jadual 2 : Kecenderungan Responden dalam Aktiviti Sukan

| Kecenderungan dalam Aktiviti Sukan | Bilangan (orang) | Peratus (%) |
|------------------------------------|------------------|-------------|
| Badminton | 208 | 57.8 |
| Futsal | 155 | 43.1 |
| Bola keranjang/Bola jaring | 74 | 20.6 |
| Sepak takraw | 74 | 20.6 |
| Bowling | 63 | 17.5 |

Hasil kajian (Jadual 2) menunjukkan bahawa responden adalah lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan badminton (57.8%), futsal (43.1%), bola keranjang/bola jaring dan sepak takraw (20.6%), dan bowling (17.5%) berbanding sukan lain. Sukan lain yang kurang

diminati di kalangan responden adalah tenis, *street soccer*, squasy, gimnastik, ragbi, snuker, ping pong, lumba lari dan permotoran. Penglibatan responden dalam aktiviti sukan tidak hanya tertumpu kepada satu jenis sukan sebaliknya beberapa aktiviti sukan.

Jadual 3 : Kecenderungan Responden dalam Aktiviti Senaman

| Kecenderungan dalam Aktiviti Sukan | Bilangan (orang) | Peratus (%) |
|------------------------------------|------------------|-------------|
| Jogging | 266 | 73.9 |
| Berjalan | 180 | 50.0 |
| Senaman aerobik | 145 | 40.3 |
| Berenang | 52 | 14.4 |
| Aktiviti dalam gim | 46 | 12.8 |

Berbanding aktiviti senaman yang lain, ramai responden lebih cenderung terhadap senaman jogging, berjalan, senaman aerobik, berenang dan aktiviti dalam gim berdasarkan maklumat dalam Jadual 3. Senaman jogging adalah paling digemari memandangkan lebih mudah untuk dilakukan berbanding senaman lain. Senaman lain yang kurang diminati adalah menari, yoga, *kick boxing* dan tai chi. Seperti aktiviti sukan, penglibatan responden dalam aktiviti senaman juga tidak hanya tertumpu kepada satu jenis senaman.

Jadual 4 : Penggunaan KRM dalam Sebulan

| Penggunaan KRM dalam Sebulan | Bilangan (orang) | Peratus (%) |
|------------------------------|------------------|-------------|
| 1-5 kali | 174 | 66.4 |
| 6-10 kali | 28 | 10.7 |
| Lebih dari 10 kali | 55 | 21.0 |
| Tidak tentu | 5 | 1.9 |
| Jumlah | 262 | 100 |

Bagi penggunaan KRM dalam tempoh sebulan, majoriti (77.1%) menggunakan KRM kurang dari 10 kali dalam sebulan dan hanya 22.9% yang menggunakan KRM lebih dari 10 kali dalam sebulan (Jadual 4). Secara purata, ramai responden yang menggunakan KRM antara 2 hingga 3 kali seminggu sama ada untuk melakukan aktiviti sukan dan senaman mahupun aktiviti-aktiviti.

Bagaimana pula penglibatan belia mengikut jantina? Ikuti Edisi 4-2009!

Ketahanan Diri Belia

Oleh: Mastura Mohamad

Belia negara sering kali terdedah dengan seribu macam cabarandan penyakit sosial. Suatu ketika dulu, saban hari kita disogokkan dengan berita di media massa akan gejala lepak dalam kalangan remaja-remaja yang masih bersekolah. Pusat-pusat membeli belah sering menjadi sasaran remaja menghabiskan masa melepak dengan rakan sebaya sehingga ada yang sanggup ponteng sekolah. Fenomena ini mendapat perhatian meluas daripada semua pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan, ibu bapa, agensi-agensi berwajib dan sebagainya.



sekian lama? Semua ini mampu kita jawab dengan satu keyakinan iaitu hanya belia yang mempunyai ketahanan diri yang kuat sahaja mampu menangkis segala cabaran dan rintangan yang mendatangi mereka. Tanpa ketahanan diri yang jitu, mungkin belia akan hanyut dalam arus globalisasi yang begitu menyesakkan ini.

Untuk membela nasib bangsa dan negara tercinta ini agar mampu terus bertahan pada masa akan datang, adalah amat penting untuk mempersiapkan belia negara dengan ketahanan diri yang kukuh. Belia negara harus mengalami anjakan paradigma dengan pemupukan ciri-ciri yang mampu memperkuatkan daya tahan mereka. Jati diri yang kuat dan kukuh mampu membantu belia membina benteng pertahanan diri daripada pelbagai unsur yang tidak sihat. Ketahanan diri yang jitu juga diyakini mampu membuat belia bingkas bangkit melawan kesukaran atau kepayahan yang mereka alami sepanjang menempuhi alam remaja yang begitu mencabar. Kualiti ketahanan diri telah sedia wujud di kalangan rakyat negara ini melalui sejarah yang telah dibuktikan.

Mengapa semua ini berlaku? Apakah remaja kita begitu mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif? Apa yang bakal terjadi kepada remaja-remaja kita? Ke mana kah hala tuju negara? Mampu kah belia-belie harapan bangsa ini menggalas aspirasi negara sebagai persiapan masa hadapan? Mampu kah kita terus mempertahankan kemerdekaan yang telah diperjuangkan dengan titisan darah pahlawan-pahlawan terdahulu? Berjaya kah kita mencapai wawasan 2020 yang telah kita impikan untuk

Remaja atau belia juga diyakini mempunyai potensi besar dalam diri mereka. Mereka mampu untuk membina benteng ketahanan diri kerana kualiti itu telah sedia ada dalam diri mereka. Apa yang perlu sekarang adalah untuk menggilap dan memperkukuhkan lagi kualiti ketahanan diri ini seiring dengan perubahan pesat yang melanda negara. Sesungguhnya, dengan adanya ciri-ciri ketahanan diri (seperti Jadual 1) yang kuat di kalangan belia, diyakini negara mampu terus berdaya saing dan menjadi sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang!

Jadual 1: Ciri-ciri Individu Dengan Ketahanan Diri

Faktor Pelindung Dalam

1. Keperibadian/ Temperamen

Huraian

Belia yang mempunyai temperamen yang positif lebih mudah menguruskan cabaran yang dihadapi serta mampu menangani tekanan dalam hidupnya dengan lebih baik.

2. Sifat Humor

Individu yang humor mampu untuk tertawa terhadap dirinya sendiri dan ketawa bersama orang lain iaitu tidak terlalu serius dalam reaksinya terhadap sesuatu perkara dan menganggapnya sebagai sesuatu yang lucu dan menghiburkan.

3. Kemahiran Penyelesaian Masalah

Kemahiran menyelesaikan masalah dapat membantu belia untuk berhadapan dengan kesukaran dan cabaran yang dihadapi dalam kehidupan seharian.

4. Autonomi

Autonomi adalah kesedaran terhadap diri, identiti, kemampuan untuk bertindak secara berdikari dan kemampuan untuk mengawal persekitaran luaran. Kesemua aspek ini meningkatkan rasa harga diri dan penguasaan penuh terhadap diri sendiri.

5. Lokus Kawalan Dalam

Mereka yang mempunyai lokus kawalan dalam percaya bahawa mereka boleh menentukan takdir sendiri. Mereka yakin melalui kerja keras, kemahiran dan latihan, mereka mampu mencari peneguhan dan mengelak daripada hukuman.

6. Orientasi Masa Hadapan dan Mempunyai Arah Tuju

Belia yang mempunyai orientasi masa hadapan lebih bermotivasi dalam mencapai matlamat yang ditetapkan. Belia sebegini mempunyai arah dan tujuan dalam hidupnya.

7. Optimistik

Individu yang bersikap optimistik akan melihat dunia dengan pandangan yang positif dan sesuatu situasi juga sebagai positif.

8. Penghargaan Kendiri

Penghargaan sendiri menggambarkan bagaimana seseorang individu menilai dirinya sendiri sama ada dengan nilai-nilai yang positif atau pun negatif.

9. Efikasi Diri

Efikasi diri adalah persepsi individu tentang kemampuannya untuk mencapai matlamat. Individu yang mempunyai tahap efikasi diri yang tinggi mampu untuk melaksanakan tugas dan menangani halangan atau situasi mencabar dengan baik.

10. Kecekapan/Kemahiran Sosial

Belia dengan kecekapan sosial mampu menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi dan tekanan persekitaran sosial terutamanya yang melibatkan perhubungan dengan rakan sebaya dan orang dewasa.

Faktor Pelindung Luaran

1. Keluarga yang menyokong

Huraian

- Hubungan yang rapat dengan sekurang-kurangnya seorang ahli keluarga
- Adanya model contoh yang positif
- Gaya layanan ibu bapa yang bersifat autoritatif
- Hubungan keluarga yang positif
- Persekitaran rumah yang teratur
- Emosi yang terjamin di mana anak berasa dipunyai, selamat, dan dibelai mesra secara konsisten Ibu bapa terlibat dengan pendidikan anak dan meletakkan jangkaan yang realistik terhadap anak

2. Sekolah

- Jangkaan prestasi yang tinggi dan positif tetapi realistik daripada pihak guru dan sekolah.
- Pihak sekolah dan guru yang menggalakkan kejayaan.
- Peluang untuk menyertai dan menyumbang dalam aktiviti sekolah yang bermakna.
- Perhubungan yang baik dan mengambil berat di antara pihak sekolah, guru dan pelajar

3. Komuniti

- Persekitaran yang kolektif dan kohesif (bersatu).
- Tahap keselamatan awam yang baik.
- Peluang untuk belia membuat sumbangan positif kepada komuniti.
- Kemudahan penjagaan kesihatan awam yang baik.
- Nilai dan norma komuniti yang positif dan jelas.
- Polisi pencegahan yang berkesan.
- Terdapat nilai "hubungan/jalinan" dengan komuniti

*Sumber: Prof. Dr. Rohani Nasir et. Al (2009): Modul Ketahanan Diri (Bantuan Geran Penyelidikan IPPBM 2008/2009)

KAJIAN PENDUDUK & KELUARGA MALAYSIA DALAM KONTEKS REMAJA/BELIA

Oleh : Rizzal Dolah

1 Kajian khusus terhadap remaja berumur 13-24 tahun mendapati aktiviti seperti keluar hingga larut malam dan merokok merupakan perbuatan yang tetap akan dilakukan oleh mereka walaupun dilarang oleh ibu bapa. Ia lebih tinggi di kalangan remaja lelaki berbanding perempuan.

2 Walaupun peratusan salah laku yang dicatatkan bagi aktiviti seperti gengsterisme, lumba haram dan penagihan dadah adalah kecil (kurang daripada 5.0%), namun program dan tindakan perlu dilaksanakan untuk mencegah daripada lebih ramai lagi remaja yang melibatkan diri dalam salah laku sosial ini.

3 Kajian mendapati bahawa peratusan remaja yang pernah membaca, melihat atau menonton bahan lucah adalah membimbangkan. Keadaan ini adalah amat ketara berlaku di kalangan lelaki bagi semua kawasan.

4 Peratusan remaja yang pernah dengar tentang sindrom kurang daya tahan penyakit (AIDS), penyakit hubungan seks (STD's) dan kaedah perancangan keluarga adalah berbeza. Majoriti remaja (lebih 90%) pernah dengar tentang penyakit AIDS, hamper dua pertiga remaja (58.0%-74%) pernah dengar STD's dan sekitar 40.0 hingga 60.0 peratus pernah dengar tentang kaedah perancangan keluarga. Didapati bahawa remaja perempuan lebih berpengetahuan berbanding lelaki dalam semua kawasan.

5 Mengenai pengetahuan dan perlakuan remaja terhadap seks, peratusan mereka yang tidak membantah cara hidup homoseksual adalah membimbangkan. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh remaja tersebut mengenali orang lain yang tertarik sesama jantina. Malahan ada juga remaja yang mengaku bahawa



mereka mempunyai perasaan sesama jantina. Namun begitu, peratusan ini adalah kecil.

6 Peratusan remaja yang pernah mengadakan hubungan seks luar nikah dan pernah diperkosa/diliwat adalah kecil. Namun begitu, aktiviti dan program khusus seperti kaunseling perlu dilakukan agar usaha menyedarkan remaja untuk tidak terlibat dengan perilaku berisiko tinggi ini dapat dibendung.

7 Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan remaja di semua kawasan mengenai organ reproduktif adalah sederhana. Pengetahuan tentang reproduktif manusia dan seksualiti ini perlu dipertingkatkan untuk membantu mengelakkan remaja daripada terlibat dengan gejala-gejala negatif seperti hamil luar nikah dan gejala sosial yang berkaitan dengan seksualiti.

Sumber: LPPKN, 2008

Bengkel Kajian Pengurusan Persatuan Belia

Oleh: Mastura Mohamad



6

Bagi meningkatkan kualiti dalam pengurusan persatuan belia maka pihak Institut Penyelidikan Pembangunan Malaysia (IPPBPM) dengan usaha sama Majlis Belia Malaysia (MBM) telah menganjurkan Bengkel Kajian Pengurusan Persatuan Belia pada 17 hingga 19 Julai 2009 bertempat di Langkawi, Kedah. Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan persatuan belia selaras dengan kehendak semasa dan memberi kemahiran berorganisasi serta teknik memimpin kepada pemimpin persatuan.

Menurut YB. Mohamad Rawi Abdul Hamid ADUN Ayer Hangat, bengkel ini akan dapat menggerakkan semula persatuan-persatuan belia yang tidak aktif untuk aktif semula berpersatuan dan sekali gus dapat memastikan adanya satu wacana yang menghubungkan suara belia dengan pemimpin-pemimpin masyarakat. "Para pemimpin belia juga perlu meningkatkan kemahiran kepimpinan serta mempunyai nilai profesionalisme bagi membolehkan mereka menjadi pekerja belia yang cemerlang" katanya.

Beliau telah merasmikan bengkel yang dihadiri oleh seramai 80 peserta yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin persatuan belia berumur 15 hingga 40 tahun daripada Negeri Johor, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

PEMETAAN BELIA MALAYSIA

Panduan Layari Laman Web Siri III

(<http://petabelia.kbs.gov.my>) Oleh: Nor Hamidah Hamzah

Siri III kali ini memaparkan pemetaan Peratus Dadah dan Kawasan Tumpuan Dadah yang boleh dicapai di bawah kategori Peta Umum. Peta Peratus Dadah ini adalah paparan data peratus penyalahgunaan dadah mengikut daerah yang mana sumber data ini diperolehi daripada

Kawasan Putih ialah kawasan yang mencatatkan kes penagihan kurang 0.1% berbanding dengan jumlah penduduk. Kawasan Kelabu ialah kawasan yang mencatatkan kes penagihan antara 0.1% hingga 0.49% berbanding dengan jumlah penduduk. Kawasan Hitam ialah kawasan yang mencatatkan kes penagihan 0.5% dan ke atas berbanding dengan jumlah penduduk. Melalui pemetaan ini, pengguna dapat melihat secara langsung daerah yang terlibat mengikut tiga kategori kawasan tersebut. Daerah di negeri sebelah Utara Malaysia mencatatkan banyak daerah yang terlibat sebagai kawasan kelabu peratus penyalahgunaan dadah, diikuti

negeri sebelah Pantai Timur, Selatan dan Sabah dan Sarawak. Pengguna boleh menggunakan tetikus dan diletakkan pada setiap daerah seperti Rajah 2 untuk melihat paparan data peratus belia dan peratus dadah.



Rajah 1: Peta Peratus Penyalahgunaan Dadah Mengikut Daerah



Rajah 2: Contoh Paparan Data

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), 2007. Data peratus penyalahgunaan dadah ini dibuat perbandingan dengan data penduduk bagi membentuk tiga kategori kawasan iaitu Kawasan Putih, Kawasan Kelabu dan Kawasan Hitam.

Secara umumnya, merujuk kepada data AADK 2007 dan dibandingkan dengan jumlah penduduk Malaysia, tidak terdapat daerah yang dikategorikan sebagai kawasan hitam.

Peta Kawasan Tumpuan Dadah pula merujuk kepada kawasan yang padat dengan populasi belia dan kawasan berisiko tinggi dengan dadah. Definisi khusus kawasan tumpuan ini merujuk kepada peratus dadah ≥ 0.1 dan peratus belia ≥ 40 . Warna merah digunakan bagi mewakili maksud daerah yang terlibat sebagai kawasan tumpuan dadah. Peta ini boleh digunakan oleh pelbagai pihak yang bertanggungjawab terutamanya pentadbir, pembuat dasar dan perancang program sebagai panduan untuk merancang program belia yang bersesuaian dengan memfokuskan kepada kawasan tumpuan dadah.



Rajah 3: Peta Kawasan Tumpuan Dadah

Selamat Melayari Peta Belia IPPBM!

Reviewing Youth Development Principles

Oleh: Shariffah Mamat

Many people do not know that non-formal, out-of-school youth development work has a professional knowledge base or that the quality of programs offered in these settings depends upon the training of professionals in the field. It is up to the youth development professional to explain the field to the community and to assure that community members recognize the vital role this profession plays in our society. The goal of youth development programs is to help youth become fully prepared for transition to adulthood. Youth development professionals offer youth opportunities within healthy environments to master the competencies they will need to make this transitions.

Support Youth's Basic Needs

In order to master skills, young people must have certain needs met. Research tells us that they must have:-

- safety and structure
- a sense of belonging and membership
- closeness and several good relationships
- experience with gaining competence and mastering skills
- independence and control over some part of their lives
- a sense of self-worth and the ability and opportunities to contribute

Develop Supporting Environments for Youth

Because youth grow and develop in the context of the family, community and society, these are the places where these needs must be met. Environments that provide the conditions for the healthy growth and development of youth can be described as those that:

- are inclusive and create connections and sense of belonging including a positive relationship with a caring adult;

- provide opportunities to value and practice service for others;
- provide autonomy including an opportunity for self-determination;
- provide opportunity for mastering skills and engaging in learning;
- assure physical and emotional safety; and help youth vision a positive role for themselves in the future.

Youth Competencies for Transitioning to Adulthood

In addition, 4-H professionals are responsible for the outcomes of working directly with youth to help self-awareness and the ability and opportunities individual youth achieve the skills they need. To act on that understanding, they must know the specific target for individual youth and identify the means by which those skills are learned. Research has identified five competency areas that youth must master for positive development and preparation for adulthood. These are:-

1. **Health/physical competence:** having the appropriate knowledge, attitudes and behaviors that will ensure current and future health
2. **Personal/social competence:** personal skills such as an ability to understand one's emotions and practice self discipline: and interpersonal skills such as working with others and developing and sustaining friendships
3. **Knowledge, reasoning and creativity competence:** a broad base of knowledge, knowledge application skills, lifelong learning skills and an ability to appreciate and demonstrate creative expression.

To be continue...

Source: <http://4h.ifas.ufl.edu>

ULASAN BUKU:

Jurnal Pembangunan Belia Malaysia


Penerbit : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
Tajuk : Jurnal Pembangunan Belia Malaysia Bil. 1 2008
Tahun : 2009
Halaman : 203

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) telah berjaya menerbitkan **Jurnal Pembangunan Belia Malaysia**. Penerbitan jurnal julung kalinya ini menghimpunkan koleksi artikel bersifat akademik yang menyentuh pelbagai isu dalam wacana pembangunan belia. Penerbitan dwitahunan ini melebar luaskan lagi fungsi dan peranan IPPBM untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan serantau yang terkenal berasaskan penyelidikan berkaitan dengan pembangunan generasi muda.

New Directions For Youth Development (Theory Practice)

Penerbit : JOSSEY-BASS A Wiley Imprint
Tajuk : New Directions For Youth Development (Theory Practice Research): Professional Development for Youth Workers
Tahun : 2004
Halaman : 104

Creating environment that promote healthy development of young people is critical both nationally and internationally. To that end, youth organization and agencies are actively engaged in the creation and advancement of programs that achieve this goal. Instrument to this work is the professional development of those caring, capable adults who interact with and on behalf of youth. This issue of New Directions for Youth Development offers a glimpse of some of the innovative, sustained, and coordinated efforts to build these skills and capacities. The examples demonstrate how to support youth worker interaction as well as training networks that take common approaches to professional development. This issue also outlines some of the significant challenges faced in youth worker professional development and their solutions.



Kalendar Penyelidikan & Aktiviti IPPBM September - November 2009

Aktiviti Penyelidikan IPPBM

| BIL | TARIKH | PENYELIDIKAN |
|--|-------------|---|
| Kajian Isu Pembangunan Belia | | |
| 1 | Sept - Nov | Kajian Keberkesanan Dasar Pembangunan Belia Negara |
| 2 | Sept - Nov | Kajian Profil Belia Malaysia |
| 3 | Sept - Nov | Kajian Pemetaan Belia Malaysia |
| 4 | Sept - Nov | Kajian Penglibatan Belia dan Masyarakat Dalam Sukan oleh Universiti Putra Malaysia |
| Kajian Pendapat Awam Isu Semasa | | |
| 5 | Sept | Kajian Isu Aeroangkasa |
| 6 | Sept - Ogos | Kajian isu Patriotisme : Sempena Hari Merdeka |
| 7 | Sept - Nov | Kajian Isu Kebudayaan |
| 8 | Sept - Nov | Isu Ekonomi |
| 9 | Sept - Nov | Isu Alam Sekitar |
| Kajian Impak dan Keberkesanan Program KBS | | |
| 11 | Sept - Nov | Kajian Impak & Keberkesanan Program Rakan Muda Wawasan Desa IPT (RMWD IPT) |
| 12 | Sept - Okt | Kajian Mengesan Bekas Pelajar Bagi Menentukan Tahap Pencapaian Misi Penubuhan IKBN Dari Aspek Mewujudkan Belia Yang Berkeusahawanan |
| 13 | Sept - Nov | Kajian Impak Penjenamaan Semula Rakan Muda |
| 14 | Sept - Nov | Kajian Kepuasan Pelanggan |
| 15 | Sept - Nov | Kajian Impak dan Keberkesanan Kem Rakan Muda Jiran Muda (Siri 3) |
| 16 | Sept - Nov | Kajian Impak & Keberkesanan Sisipan Yo! Terhadap Pembaca |
| 17 | Sept - Nov | Kajian Impak Dan Keberkesanan Pelaksanaan Kad Keahlian Rakan Muda |
| 18 | Sept - Nov | Kajian Kursus Yang Kurang Mendapat Sambutan Di IKBN/IKTBN/ KKBN |